

26 OCT 1998

Mahathir-Tilawah

BANGKITKAN SEMULA KECENDERUNGAN DAN KEGEMILANGAN UMAT ISLAM, KATA PM

MELAKA, 26 Okt (Bernama) -- Usaha hendaklah dibuat untuk membangkitkan semula kecenderungan dan kegemilangan umat serta agama Islam dengan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan umat Islam adalah disebabkan mereka sentiasa berpegang teguh kepada ajaran dan larangan agama.

" Justeru itu usaha hendaklah dibuat untuk membangkitkan semula kecenderungan dan kegemilangan umat serta agama Islam agar umat Islam tidak terus mundur dan menjadi mangsa penindasan," katanya dalam kata-kata aluan buku perutusan sempena Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Kebangsaan ke-41.

Majlis tilawah yang bertemakan " Kesejahteraan Negara, Tanggungjawab Kita" akan dirasmikan Dr Mahathir, malam esok dan akan berlangsung selama enam hari sehingga 1 Nov di Stadium Kubu, di sini.

Menurut Dr Mahathir umat Islam di negara ini hendaklah berusaha menegakkan semula nama baik dan maruah serta martabat umat dan agama Islam di dunia.

Beliau berharap majlis tilawah yang diadakan setiap tahun berjaya membawa umat Islam menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bagi meningkatkan kefahaman mengenai kandungannya.

" Dengan memahami isi kandungan Al-Quran, diharapkan pegangan kita pada ajaran Islam menjadi lebih kukuh terutama dalam menjalani kehidupan seharian dengan lebih sempurna.

" Ini sudah pasti akan membawa kesejahteraan dan kemajuan kepada kehidupan umat Islam," katanya.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin dalam kata-kata aluannya pula berkata penghayatan agama Islam boleh diterjemahkan menerusi kaedah amalan yang berterusan.

Melaka yang pernah menganjurkan majlis tilawah pada 1984 merupakan negeri pertama yang dipilih bagi pusingan kedua, sejak majlis tilawah peringkat kebangsaan digilir-gilirkan kepada negeri-negeri untuk menganjurkannya.

Model masjid negeri Al-Azim dijadikan astaka majlis tilawah ini dan sebanyak 27 qari dan qariah dari seluruh negara akan menyertainya.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin Al-Haj akan merasmikan majlis penutupan tilawah serta menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang, Sabtu ini.

-- BERNAMA

NO RON